

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14 (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**YB. TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan dan mempromosi Empangan Hidro Elektrik Batang Ai Lubok Antu memandangkan ianya produk pelancongan yang perlu dipelihara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan 2 projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Sukan Air dan Rekreasi di Tasik Empangan Batang Ai di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (Fasa 1) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (Fasa 2).
2. Skop projek ini meliputi menaik taraf pentas, pembinaan jeti dan pontun persinggahan, pembinaan jeti untuk memancing dan rekreasi seperti jeti pelancangan dan tempat pendaratan untuk jet ski, kayak dan perahu / bot, pembinaan wakaf-wakaf serta siar kaki konkrit.
3. Kedua-dua fasa projek bernilai RM4.995 juta itu telah pun siap dilaksanakan dan telah diserahkan kepada kerajaan Negeri, masing-masing pada tahun 2009 dan 2013. Selaku agensi pemilik dan agensi pelaksana, Majlis Daerah Lubuk Antu adalah pihak yang bertanggungjawab ke atas sebarang operasi dan penyelenggaraan kawasan pelancongan tersebut.
4. Bagi cadangan pembangunan projek pelancongan di bawah RMKe-12 yang akan datang, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak (MTAC) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sarawak serta kawasan Lubok Antu khususnya bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.
5. Di samping itu, promosi bersama oleh Tourism Malaysia, sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, bersama dengan Sarawak Tourism Board sentiasa dilaksanakan untuk merancakkan aktiviti pelancongan di kawasan Batang Ai yang kaya dengan tarikan eko pelancongan. Sekian, terima kasih.